



**GARIS PANDUAN KESELAMATAN KEBAKARAN
DI FASILITI KESIHATAN
JABATAN KESIHATAN NEGERI SABAH**

Edisi Pertama

Ogos 2016

Diterbitkan oleh:

Jabatan Kesihatan Negeri Sabah

**Garis Panduan Keselamatan Kebakaran Di Fasiliti Kesihatan
Jabatan Kesihatan Negeri Sabah**

Edisi Pertama
Ogos 2016

Diterbitkan oleh:
Jabatan Kesihatan Negeri Sabah
Tingkat 1, 3 & 6
Rumah Persekutuan, Jalan Mat Salleh
88590 Kota Kinabalu, Sabah
Malaysia

ISBN 978-983-44401-4-5



ISBN 978-983-44401-4-5
Perpustakaan Negara Malaysia

Hak cipta terpelihara. Tiada mana-mana bahagian dari terbitan ini boleh diterbitkan semula dalam apa juga bentuk tanpa kebenaran penerbit.

Dicetak di Kota Kinabalu, Sabah, Malaysia

**Garis Panduan Keselamatan Kebakaran Di Fasiliti Kesihatan
Jabatan Kesihatan Negeri Sabah**

Penaung: **Dr. Christina Rundi**
Pengarah Kesihatan Negeri Sabah

Penasihat: **Dr. Ismail Ali**
Timbalan Pengarah Kesihatan Negeri (Kesihatan Awam)

Pengarang:

Lim Jac Fang

MBBS; PGDipOH, Grad IOSH, AFOH, MIIRSM, CMIA, FAOEMM
Papar Health Office
Sabah, Malaysia

M Saffree Jeffree

MD, Master Community Medicine (Occupational Health)
CMIA, OHD, EIP
Department of Community Medicine
Faculty of Medicine & Health Sciences
University Malaysia Sabah

Nelbon Giloi

MBBS(B'lore), PgDipOH(UKM), MPH(UNIMAS), CMIA(NIOSH)
Medical Officer UD54 / Occupational Health Doctor
Klinik Sihat, Klinik Kesihatan Putatan
(DOSH Reg. No. - HQ/08/DOC/00/635)
Honorary General Secretary,
Malaysian Integrated Medical Professionals Association (MIMPA)
Registration No: PPM-007-12-13092013 - www.mimpa.net
Advisor,
Malaysian Medical Gazette (MMG) - www.mmgazette.com

**Garis Panduan Keselamatan Kebakaran Di Fasiliti Kesihatan
Jabatan Kesihatan Negeri Sabah**

Penyumbang:

Lim Jac Fang

MBBS, PGDipOH, Grad IOSH, AFOH, MIIRSM, CMIA, FAOEMM
Papar Health Office
Sabah, Malaysia

M Saffree Jeffree

MD, Master Community Medicine (Occupational Health)
CMIA, OHD, EIP
Department of Community Medicine
Faculty of Medicine & Health Sciences
University Malaysia Sabah

Nelbon Giloi

MBBS(B'lore), PgDipOH(UKM), MPH(UNIMAS), CMIA(NIOSH)
Medical Officer UD54 / Occupational Health Doctor
Klinik Sihat, Klinik Kesihatan Putatan
(DOSH Reg. No. - HQ/08/DOC/00/635)
Honorary General Secretary,
Malaysian Integrated Medical Professionals Association (MIMPA)
Registration No: PPM-007-12-13092013 - www.mimpa.net
Advisor,
Malaysian Medical Gazette (MMG) - www.mm gazette.com

Harman Angan

DipEnvHlth(PHI), BSc(Hons)HSE (UK),
Safety and Health Officer (DOSH Reg. No. HQ/06/SHO/00/3318)
Health, Safety and Environment Manager
Aker Solutions APAC Sdn. Bhd
Labuan Federal Territory, Malaysia

Steve Sanggang

DipEnvHlth(PHI)
Safety and Health Officer (DOSH Reg. No. HQ/06/SHO/00/3436)
Health, Safety and Environment
Assistant Manager
Boustead DCNS Naval Corporation Sdn. Bhd.
BDNC Main Office (Workshop C), Markas Angkatan Kapal Selam
Pangkalan TLDM, Kota Kinabalu, Teluk Sepanggar
Kota Kinabalu, Sabah, Malaysia

Jason Edwin

DipEnvHlth(PHI), BBA(HRM)
Safety and Health Officer (DOSH Reg. No. HQ/07/SHO/00/3754)
Safety Executive
Health, Safety and Environment Department
PETRONAS Carigali Sdn. Bhd.
Sabah, Malaysia

Pedelin Rimpau

DipEnvHlth(PHI), BEnvHlth(UKM)
Certified SHO(NIOSH)
Certified Post Basic Law & Prosecution (PHI)
Environmental Health Officer
Queen Elizabeth Hospital, Kota Kinabalu
Kota Kinabalu, Sabah, Malaysia

Andrew Kanduring Gitam

Penyelia Penolong Pegawai Perubatan
Hospital Mesra Bukit Padang
Kota Kinabalu, Sabah, Malaysia

Simson Gunsalam

DipEnvHlth(PHI), BSc(Hons)(UMS)
Qualified SHO (NIOSH)
Jabatan Kesihatan Negeri Sabah
Sabah, Malaysia

Adrian Henry Joseph

DipEnvHlth(PHC), BEnvHlth(Hons)(UKM)
Penolong Pegawai Kesihatan Persekitaran U32
Pejabat Kesihatan Daerah Putatan
Penampang, Sabah, Malaysia

Philip Fong

DipEnvHlth(PHI)
Safety and Health Officer (DOSH Reg. No. HQ/07/SHO/00/3652)
Safety & Health Officer

Iskandar Nonche

DipEnvHlth(PHI)
Safety and Health Officer (DOSH Reg. No. HQ/07/SHO/00/3681)
Penolong Pegawai Kesihatan Persekitaran U32
Unit Kawalan Penyakit Berjangkit
Pejabat Kesihatan Kawasan Tawau
Tawau, Sabah, Malaysia

Eng Hong Heng @ Mazlan Eng

DipEnvHlth(PHC), TechIOSH, AIIRSM

Hendry Uning

DipEnvHlth(PHC)
Penolong Pegawai Kesihatan Persekitaran U32
Pejabat Kesihatan Papar
Papar, Sabah, Malaysia

Leonard Masudal

DipEnvHlth(PHC)
Penolong Pegawai Kesihatan Persekitaran
Pejabat Kesihatan Daerah Putatan
Penampang, Sabah, Malaysia

Atilin Sudi

DipEnvHlth(PHC)

Safety and Health Officer (DOSH Reg. No. JKKP IS 127/438/2/7335)

Penolong Pegawai Kesihatan Persekitaran

Pejabat Kesihatan Papar

Papar, Sabah, Malaysia



Ahli Sidang Pengarang

Penghargaan

Pejabat Kesihatan Papar

Papar, Sabah

Faculty of Medicine & Health Sciences

Universiti Malaysia Sabah

Klinik Sihat

Putatan, Sabah

Hospital Queen Elizabeth

Kota Kinabalu, Sabah

Hospital Mesra Bukit Padang

Kota Kinabalu, Sabah

Pejabat Kesihatan Kawasan Beluran

Beluran, Sabah

Pejabat Kesihatan Kawasan Tawau

Tawau, Sabah

Pejabat Kesihatan Daerah Putatan

Putatan, Sabah

Pengarah

Jabatan Bomba dan Penyelamat Negeri Sabah

PETRONAS Carigali Sdn. Bhd.

Sabah, Malaysia

Boustead DCNS Naval Corporation Sdn. Bhd.

Kota Kinabalu Sabah

Aker Solutions APAC Sdn. Bhd

Labuan Federal Territory, Malaysia

ISI KANDUNGAN

	Muka Surat
Pengarang	3
Penyumbang	4
Perutusan Pengarah Kesihatan Negeri Sabah	11
Perutusan TPKN (KA)	12
Perutusan Ketua Sidang Pengarah	13
1.0 PENGENALAN	14
1.1 Tujuan Garispanduan	
1.2 Objektif	
1.3 Pemakaian	
1.4 Sumber Maklumat Lain	
2.0 AMALAN	16
2.1 Dokumentasi	
3.0 PROSEDUR	19
3.1 Sistem Perlindungan Kebakaran Dan Peralatan	
3.2 Kawad Kebakaran	
3.3 Prosedur Asas Latihan Kebakaran	
3.4 Prosedur Latihan Untuk R.A.C.E	
3.5 Bantuan Dalaman	
3.6 Pengungsian Dalam Lingkungan Fasiliti	
3.7 Pengungsian Keseluruhan Fasiliti	

ISI KANDUNGAN

	Muka Surat
4.0 PERSEDIAAN PELAN BENCANA	35
4.1 Persediaan Bencana	
4.2 Hazard Bencana Yang Berpotensi	
4.3 Aliran Komunikasi Bencana	
4.4 Triage	
4.5 Ancaman Bom	
4.6 Gempa Bumi	
4.7 Gangguan Bekalan Elektrik	
4.8 Gangguan Bekalan Bahan Api	
4.9 Letupan	
5.0 AUDIT PENCEGAHAN KEBAKARAN	50
5.1 Senarai Semak Keselamatan Kebakaran Di Bangunan	
6.0 LAMPIRAN	55
Carta Organisasi Pasukan Kecemasan Fasiliti (ERT)	

PERUTUSAN PENGARAH KESIHATAN NEGERI SABAH



Salam sejahtera kepada semua warga Jabatan Kesihatan Negeri Sabah. Penghasilan garis panduan sedemikian amatlah dihargai dan setinggi-tinggi tahniah diucapkan kepada ahli sidang pengarang yang telah berjaya menghasilkannya.

Keselamatan dan Kesihatan anggota di tempat kerja merupakan aspek yang sangat penting bagi memastikan perkhidmatan kesihatan di negeri ini mencapai objektifnya. Sehubungan dengan itu, antara aspek yang perlu diambil perhatian adalah keselamatan semasa bekerja khususnya ketika berlaku kebakaran. Selain mengamalkan cara kerja yang selamat dan sihat, pengetahuan berkaitan keselamatan kebakaran adalah perlu untuk semua anggota jabatan ini. Ini dapat menghapuskan dan mengurangkan risiko berlakunya kecederaan atau kematian disebabkan ketiadaan pelan evakuasi yang komprehensif.

Dengan adanya garis panduan ini, adalah diharapkan setiap fasiliti kesihatan di negeri ini dapat mengurus pelan keselamatan kebakaran di peringkat masing-masing. Pelan sedemikian adalah penting bagi mengurangkan risiko kebakaran yang boleh mengancam nyawa dan kerosakan kepada harta benda serta persekitaran.

Sekian.

Datuk Dr. Christina Rundi
Pengarah Kesihatan Negeri Sabah

**PERUTUSAN TIMBALAN PENGARAH KESIHATAN NEGERI
(BAHAGIAN KESIHATAN AWAM)**



Assalamualaikum w.w.t,
Salam sejahtera dan salam hormat,

Jabatan mengucapkan Tahniah dan Syabas di atas usaha Pengerusi dan Ahli Jawatankuasa Sidang Pengarang yang telah menghasilkan Garis Panduan Keselamatan Kebakaran Di Fasiliti Kesihatan, Jabatan Kesihatan Negeri Sabah.

Usaha seumpama ini sangat baik dan perlu dijadikan contoh oleh setiap warga Jabatan Kesihatan Negeri Sabah khususnya dan warga KKM amnya.

Dengan terhasilnya garis panduan ini, diharap ianya dijadikan panduan pencegahan kebakaran di semua fasiliti jabatan ini dan secara tidak langsung dapat menyelamatkan harta benda awam dan nyawa anggota serta pelanggan fasiliti kesihatan.

Akhir sekali, ucapan syabas ini juga ditujukan kepada semua ahli Sidang Pengarang atas usaha yang dicurahkan sehingga terhasilnya garis panduan ini. Syabas dan tahniah!

Sekian, terima kasih.

Dr. Ismail Ali
Timbalan Pengarah Kesihatan Negeri (Kesihatan Awam)
Jabatan Kesihatan Negeri Sabah

PERUTUSAN KETUA SIDANG PENGARANG



Salam sejahtera kepada semua warga Jabatan Kesihatan Negeri Sabah. Selaku Ketua Sidang Pengarang, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada pihak yang memberi sokongan dalam penghasilan garis panduan ini.

Pencegahan kebakaran merupakan langkah penting bagi mengelakkan kehilangan nyawa dan kerosakan harta benda akibat kebakaran. Menyedari kepentingan ini, garis panduan ini dihasilkan supaya menjadi panduan kepada warga kesihatan membuat perancangan dan pelan bagi menghadapi sebarang kemungkinan kebakaran di fasiliti kesihatan.

Memandangkan Jabatan Kesihatan Negeri Sabah mempunyai pelbagai jenis perkhidmatan dan susunatur bangunan yang berbeza mengikut fungsi adalah mustahil untuk menghasilkan satu pelan keselamatan kebakaran yang terpakai untuk semua jenis fasiliti. Maka dengan itu, garis paduan ini dihasilkan untuk membantu semua pengurus fasiliti kesihatan menghasilkan pelan keselamatan kebakaran di peringkat masing-masing.

Akhir kata, pencegahan awal kejadian kebakaran dapat mengurangkan risiko kemalangan jiwa dan kerosakan harta benda.

Sekian.

Dr. Lim Jac Fang
Pegawai Kesihatan Papar

1.0 PENGENALAN

1.1 Tujuan Garis Panduan

Garis panduan ini disediakan khusus sebagai panduan bagi tujuan keselamatan kebakaran untuk digunapakai di setiap fasiliti kesihatan. Ini dapat membantu dalam asas menghadapi kebakaran yang akan berlaku di fasiliti.

Maklumat yang terkandung dalam garis panduan ini bukan bertujuan menggantikan pelan persediaan menghadapi kecemasan (kebakaran) yang sedia ada di fasiliti tetapi sebagai penambahbaikan agar pelan yang disediakan adalah bersesuaian dan praktikal.

1.2 Objektif

Objektif garis panduan ini adalah untuk memberi cadangan yang praktikal untuk mencapai satu tahap keselamatan kebakaran dan bagi melindungi nyawa penghuni bangunan.

1.3 Pemakaian

Bagi tujuan garis panduan ini, fasiliti kesihatan merangkumi semua fasiliti di bawah Jabatan Kesihatan Negeri Sabah.

1.4 Sumber Maklumat Lain

Jika anda memerlukan sebarang maklumat tambahan, sila hubungi email dr_ljf@yahoo.com

Atau mana-mana ahli pengarang yang berhampiran dengan anda.

2.0 AMALAN

2.1 Dokumentasi

2.1.1 Polisi

Setiap fasiliti kesihatan adalah digalakkan mewujudkan satu polisi mengenai pencegahan kebakaran yang merangkumi pengungsian bangunan (*fire drill*), latihan kepada semua anggota kesihatan, penyelenggaraan dan pengujian alat penggera kebakaran secara berkala.

2.1.2 Penggera Kebakaran, Alat Pengesan Asap, Sistem Perlindungan dan Ujian Peralatan

Pemantuan, penyelenggaraan dan ujian hendaklah dilakukan secara konsisten mengikut garis panduan atau kaedah yang betul dan diiktiraf oleh Jabatan Bomba Dan Penyelamat Malaysia.

Laporan pemeriksaan dan keputusan ujian hendaklah didokumentasikan dan diletakan dalam fail yang tetap serta disimpan di premis tersebut. Ia juga haruslah mudah diperolehi apabila dinilai oleh pihak berkuasa.

2.1.3 Drill dan Latihan

Drill dan Latihan yang dilaksanakan hendaklah didokumentasikan. Ia haruslah termasuk:-

- Apa yang telah dilaksanakan
- Tarikh pelaksanaan
- Nama anggota yang terlibat
- Kesimpulan keberkesanan latihan/*drill*
- Maklumbalas anggota kesihatan yang terlibat

Dokumen hendaklah disimpan dalam fail yang tetap dan mudah diperolehi apabila dinilai oleh Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia.

2.1.4 Penilaian Oleh Pihak Pengurusan

Pihak pengurusan fasiliti bertanggungjawab menilai laporan pemeriksaan, keputusan ujian, latihan kebakaran di dalam dan luar fasiliti. Ini bertujuan memastikan kualiti sistem perlindungan kebakaran dan keselamatan nyawa dalam fasiliti tersebut.

Pihak pengurusan bertanggungjawab untuk menilai, menandatangani dan meletakkan tarikh pada borang dokumentasi.

2.1.5 Komen Ujian/Penyelenggaraan

Individu yang melakukan ujian tersebut bertanggungjawab mendokumentasikan keputusan ujian dan memberi komen atau cadangan bagi setiap kekurangan. Apabila kekurangan dikenalpasti, dokumentasi mengkehendaki pembaikan atau penyelenggaraan dilakukan. Jika perlu, ujian semula hendaklah dilakukan.

3.0 PROSEDUR

3.1 Sistem Perlindungan Kebakaran Dan Peralatan

3.1.1 Panduan Polisi

Setiap peralatan dan sistem perlindungan kebakaran hendaklah diperiksa dengan teliti dan diuji selaras dengan prosedur yang telah ditetapkan. Semua keputusan serta penyelenggaraan dan pembaikan yang diperlukan hendaklah dicatatkan di dalam laporan rekod bulanan.

3.1.2 Penggera Kebakaran

i. Memeriksa Sistem Penggera Kebakaran Melalui Pemerhatian Setiap Bulan:

- a. Semua lampu yang berpasang semasa operasi biasa.
- b. Memeriksa dan memastikan semua suis sentiasa dalam keadaan yang selamat, *mode* senyap atau dalam kedudukan penggera (*Alarm Position*).
- c. Memeriksa "*Pull stations*" dan pengesan kerosakan.

ii. Menguji alat pengesan asap

- a. Semua pengesan asap yang ada di dalam bangunan hendaklah diuji sekurang-kurangnya sekali dalam setahun.

iii. Menguji dan memastikan keadaan bekalan tenaga elektrik bagi alat penggera

- a. Bateri untuk sistem penggera hendaklah menggunakan jenis bateri yang boleh dicas semula.
- b. Punca utama bekalan tenaga untuk sistem penggera hendaklah ditutup dan sistem penggera diuji melalui baterinya.
- c. Bateri-bateri yang digunakan hendaklah berkeupayaan untuk membunyikan lonceng (penggera) selama lima minit.

3.1.3 Pemercik/Penyembur (Sprinklers)

Sprinklers perlu dipasang dalam keadaan berikut:

'In-patient treatment'

- i. Menguji dan memastikan keadaan bekalan tenaga elektrik bagi alat penggera.
- ii. Melebihi 250 meter persegi untuk setiap tingkat & 5 tingkat dan ke atas.

Bagi fasiliti kesihatan yang tidak pasti tentang keperluan pemasangan *sprinklers* ini serta bagaimana pengujian dilakukan, bolehlah berhubung dengan pihak Jabatan Bomba dan Penyelamat.

3.1.4 Pemadam Api/Kebakaran

Alat Pemadam api hendaklah diperiksa setahun sekali. Pemeriksaan ini merangkumi:-

- Kedudukan alat pemadam api.
- Tidak ada kerosakan luaran yang ketara.
- Tekanan Normal (*Pressure gauge*).
- Muncung dan *hose* tidak tersumbat.
- Pin kawalan berada dalam keadaan baik
- Pastikan alat pemadam api tidak tamat tarikh luput.

3.1.5 Penjana Kuasa (Generator)

Generator haruslah mempunyai jadual penyelenggaraan yang berkala dan dapat berfungsi dalam keadaan kecemasan kebakaran. *Generator* yang ada haruslah berupaya menjana kuasa kecemasan di bawah muatan (*under load*) sekurang-kurangnya 30 minit.

3.1.6 Lampu Kecemasan Dan Tanda Arah Keluar

Semua lampu diperiksa sebulan sekali untuk memastikan lampu tersebut menyala dan berupaya bertahan sekurang-kurangnya 90 minit apabila bekalan elektrik terputus.

3.1.7 Pintu Kebakaran Dan Penghalang Asap

Semua pintu kebakaran dan penghalang asap tidak terkunci, hendaklah dalam keadaan baik, tidak terhalang dan mengikut spesifikasi Jabatan Bomba dan Penyelamat. Laluan keluar hendaklah dipastikan tidak terhalang.

3.2 Kawad Kebakaran

3.2.1 Polisi

Fasiliti yang mengadakan latihan kawad kebakaran mesti mengambilkira anggota yang berkerja dalam *shift*, keadaan yang tidak dijangka sebagai contoh kebakaran semasa hujan lebat, putus bekalan elektrik dan lain-lain situasi tambahan. Kawad kebakaran hendaklah dilaksanakan seolah-olah dalam keadaan situasi kebakaran yang sebenar.

Latihan kawad kebakaran ini mesti merangkumi dan menilai aspek dari segi:-

- Keberkesanan.
- Pengetahuan.
- Tindakbalas terhadap Kebakaran.

Latihan yang dilaksanakan hendaklah melibatkan pelbagai agensi yang berkenaan seperti Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, Polis dan sebagainya.

Kawad kebakaran bukan bertujuan menguji kepantasan pelaksanaan tetapi bagi memastikan prosedur dan disiplin untuk menyelamatkan nyawa dan mengurangkan kecederaan/kematian dilakukan dengan betul dan teratur.

Kawad kebakaran termasuk mengaktifkan alat penggera kebakaran supaya diketahui umum di seluruh fasiliti.

Perhatian :

Untuk mengelakkan gangguan kepada pesakit-pesakit, latihan yang dijalankan pada waktu malam haruslah menggunakan pengumuman yang menggunakan kod “*coded announcement*” dan bukan penggera berbunyi.

Semasa kawad kebakaran dilaksanakan, pesakit-pesakit yang tidak berkeupayaan tidak perlu dilibatkan. Pesakit-pesakit yang berupaya bergerak dan pengiringnya yang berada dalam lingkungan latihan perlu dialihkan atau ditempatkan di tempat yang selamat supaya tidak menghalang atau tercedera semasa pelaksanaan kawad kebakaran.

Semua anggota digalakkan mengambil bahagian apabila kawad kebakaran dijalankan dan direkodkan penglibatan mereka. Adalah baik jika latihan kawad kebakaran dijalankan serentak dengan masa pengujian alat penggera kebakaran.

3.3 Prosedur Asas Latihan Kebakaran

Tujuan utama prosedur asas dalam kebakaran adalah untuk menyelamatkan nyawa pesakit dan semua yang berada dalam fasiliti tersebut.

Perhatian:

Semua kakitangan seharusnya dilatih untuk mengikuti prosedur asas semasa kebakaran.

Empat Langkah Asas Semasa Berlakunya Kebakaran

Istilah **R.A.C.E** merupakan cara yang mudah untuk mengingat 4 langkah asas semasa berlakunya kebakaran.

RESCUE (MENYELAMAT)

ALARM (MENGGERA)

CONFINE (MENGAWAL)

EXTINGUISH (MEMADAM)

Langkah 1

Menyelamatkan pesakit dari kawasan yang terlibat dengan kebakaran.
Langkah pertama juga termasuk:-

- Menilai tahap kebakaran atau menaksir kebakaran yang berlaku.
- Meminta bantuan segera.
- Berusaha untuk mengalihkan atau memindahkan pesakit-pesakit dari kawasan kebakaran.

Langkah 2

Memberi isyarat.

Ini termasuk:-

- Menjerit atau menarik perhatian orang ramai.
- Pengaktifan melalui penggera automatik atau secara manual.
- Panggilan telefon.

Langkah 3

Mengawal kebakaran.

Pengawalan kebakaran boleh dilaksanakan dengan menutup semua pintu di dalam bilik/tempat tersebut.

Langkah 4

Memadam kebakaran.

Menilai keadaan kebakaran untuk memastikan samaada seseorang itu mampu memadamkan kebakaran tersebut.

3.4 Prosedur Latihan Untuk R.A.C.E.

Seseorang yang mula berhadapan dengan kebakaran adalah bertanggungjawab untuk:-

i. *Meminta Bantuan/Pertolongan*

Menjerit “API-API” atau frasa kod, rangkai kata atau ungkapan (seperti Dr. Red & nombor bilik) sebagai pemberitahuan berlakunya kebakaran dan perlunya tindakan segera bagi menyelamatkan nyawa.

ii. *Menilai/Menaksir Kebakaran*

Menentukan tindakan yang perlu semasa kebakaran seperti memindahkan pesakit, memadamkan api menggunakan alat pemadam mudah alih atau menutup rapat pintu-pintu di lingkungan kawasan kebakaran tersebut.

iii. *Memindahkan Pesakit*

Pesakit hendaklah dipindahkan ke tempat yang selamat.

iv. *Menutup Pintu Di Kawasan Lingkungan Kebakaran*

Tujuan menutup pintu ialah untuk melindungi bahagian ruang lain dalam fasiliti daripada perebakkan asap dan api.

v. *Mengaktifkan Alat Penggera Kebakaran*

Walaupun alat penggera kebakaran diaktifkan secara automatik tetapi ia haruslah disokong dengan menelefon Jabatan Bomba dan Penyelamat ataupun dengan mengaktifkan secara manual mana-mana alat penggera kebakaran.

vi. *Menutup Kesemua Pintu*

Koridor hendaklah bebas daripada sebarang halangan dan kesemua pintu hendaklah ditutup.

vii. *Memadamkan Api*

Jika kebakaran masih terkawal dan api kecil, ia boleh dipadamkan mengikut kemampuan dengan syarat individu tersebut terlatih dan yakin.

viii. *Evakuasi*

Pindahkan pesakit ke satu tempat yang telah ditetapkan di dalam atau di luar fasiliti mengikut keadaan semasa

3.5 Bantuan Dalaman

Semua kakitangan dari fasiliti lain yang tidak terlibat dalam kebakaran, hendaklah melaporkan diri ke stesen/tempat berkumpul yang telah ditetapkan dalam prosedur fasiliti tersebut.

Anggota yang dipertanggungjawabkan dalam fasiliti tersebut hendaklah mengawasi dan menentukan tugas anggota lain (sehingga Jabatan Bomba dan Penyelamat tiba) seperti berikut (bergantung kepada jenis kecemasan):-

- Menugaskan seorang anggota untuk mengenalpasti lokasi kebakaran kepada Jabatan Bomba dan Penyelamat.
- Menugaskan dengan segera pasukan petugas ke kawasan kebakaran.
- Melantik pasukan petugas bagi membantu dalam evakuasi semua pesakit dalam kawasan kebakaran ke kawasan selamat iaitu selepas pintu penghalang asap dan api yang terdekat (*DEFEND IN PLACE*).
- Menugaskan satu pasukan petugas bagi tujuan memastikan semua laluan dari tempat kebakaran ke tempat pemindahan tidak terhalang.
- Bagi mana-mana tempat yang telah dikosongkan, pintu-pintu hendaklah ditandakan.
- Menugaskan anggota untuk memantau mana-mana pesakit yang memerlukan pemerhatian khas atau perkhidmatan seperti pesakit yang berkeliaran, keliru, '*Non-alert*' atau pesakit yang menghadapi gangguan mental.

Sejurus ketibaan Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, Pegawai bomba yang bertanggungjawab (*Incident Commander*) dan Pegawai yang bertanggungjawab dalam fasiliti akan menyelaras usaha-usaha menyelamatkan.

3.5.1 Latihan Dalam Perkhidmatan 'Prosedur Keselamatan Kebakaran'

Polisi

Setiap fasiliti seharusnya mempunyai prosedur yang bertulis mengenai keperluan semua anggota menghadiri dan mengambil bahagian secara berkala mengenai keselamatan kebakaran. Semua aktiviti keselamatan kebakaran mestilah direkodkan. Latihan berterusan dicadangkan 2 kali setahun. Audit kebakaran juga harus dijalankan sekali setahun.

Kakitangan dalam fasiliti hendaklah diberi latihan berkenaan kaedah-kaedah dalam menangani kebakaran, menyelamatkan nyawa dan penggunaan alat-alat bagi tujuan tersebut. Antara topik latihan ialah:-

- Teknik dan prosedur evakuasi.
- Pengendalian dan penggunaan alat pemadam api.
- Perlindungan kebakaran dalam fasiliti seperti sistem alat penggera kebakaran, sistem pancuran dan laluan **KELUAR (EXIT)**.
- Pencegahan kebakaran.

3.6 Pengungsian Dalam Lingkungan Fasiliti

3.6.1 Pertahankan Setempat (Defend In Place)

Ia adalah satu proses di mana pesakit-pesakit daripada zon asap kebakaran dipindahkan ke suatu lokasi yang selamat dalam bangunan

yang sama. Tujuan '*DEFEND IN PLACE*' adalah untuk mengasingkan pesakit daripada tempat kebakaran mula dikesan.

Keutamaan Pertama

- Memindahkan pesakit daripada bilik/kawasan punca kebakaran tanpa mengambilkira ketidakupayaan mereka.

Perhatian :

Jika tidak boleh, TUTUP PINTU TERSEBUT

- Memindahkan pesakit dari bilik yang berdekatan dengan punca asal kebakaran tanpa mengambilkira ketidakupayaan mereka.
- Memindahkan pesakit daripada bilik/kawasan yang terdekat dengan punca kebakaran tanpa mengambilkira ketidakupayaan mereka.

Keutamaan Kedua

- Proses pemindahan pesakit diteruskan sehingga semua yang berada dalam zon asap kebakaran telah dipindahkan ke suatu tempat yang selamat yang telah ditetapkan dalam prosedur pengungsian bangunan.

Perhatian:

Semasa memindahkan pesakit ke suatu tempat yang selamat, tidak dibenarkan melalui zon asal kebakaran.

- Selepas melaksanakan pemindahan pesakit mengikut keutamaan 1, pesakit yang tertinggal yang masih berada dalam zon asap kebakaran dipindahkan mengikut.

PERTAMA

Pesakit yang boleh berjalan.

KEDUA

Pesakit yang memerlukan kerusi roda.

KETIGA

Pesakit yang tidak berupaya.

Keutamaan Ketiga

- Pegawai petugas akan memastikan semua bilik/kawasan zon asap kebakaran telah dikosongkan dan lain-lain pesakit dan orang awam ***TIDAK MEMASUKI SEMULA KEDALAM ZON ASAP KEBAKARAN.***
- Memastikan koridor dan semua laluan serta pintu penghalang asap dan api ditutup.
- Pegawai petugas fasiliti dan pegawai bomba akan mengambil langkah pertama untuk menangani kebakaran dan menjamin keselamatan pesakit. Pemindahan orang-orang yang masih berada dalam fasiliti boleh diteruskan berdasarkan kepada keputusan bersama 'Incident commander' dan pegawai petugas fasiliti.

3.7 Pengungsian Keseluruhan Fasiliti

Jika keadaan kecemasan berubah menjadi tidak terkawal, pengungsian fasiliti mungkin diperlukan. Dalam keadaan ini, pegawai petugas fasiliti harus merujuk kepada protokol-protokol tindakan kecemasan fasiliti tersebut jika ada atau merujuk kepada pegawai yang bertanggungjawab.

Bagi pengungsian keseluruhan fasiliti, perkara-perkara yang tertera di bawah harus diberi perhatian sewajarnya:-

- Melantik pegawai khusus atasan yang boleh mengarahkan pengungsian keseluruhan fasiliti tersebut.
- Keutamaan dalam pemindahan pesakit-pesakit dari fasiliti itu.
- Mewujudkan keperluan 'TRIAGE' dalam lingkungan fasiliti serta keperluan semasa pemindahan ke luar tempat yang selamat.
- Menentukan kawasan selamat di mana pesakit boleh dipindahkan sementara atau seterusnya ke tempat selamat yang lain.
- Menentukan tempat perlindungan sementara di mana pesakit boleh ditempatkan untuk suatu jangka masa yang panjang.
- Jika rekod pesakit hendak dipindahkan (Perubatan dan Maklumat Peribadi) bagaimana dan siapa?
- Apakah peralatan dan bekalan yang mesti dibawa bersama dengan pesakit tersebut?
- Menentukan anggota yang akan bersama dengan pesakit yang dipindahkan.
- Menentukan tempat berhenti untuk jangka masa panjang hendaklah dikenalpasti bagi memberikan perkhidmatan penjagaan pesakit secara berterusan.

- Jika melibatkan sebarang isu kewangan berkaitan dengan pemindahan ke fasiliti yang lain, siapa yang diberikuasa bagi membincangkan hal pembayaran?

Pengungsian sepenuhnya dalam fasiliti memerlukan proses langkah demi langkah dalam memindahkan pesakit ke kawasan perlindungan sementara yang selamat.

i. 'External Staging Area'

Tentukan kawasan perhentian di luar dan jauh daripada fasiliti dan dapatkan sebanyak mana yang boleh jauh daripada hazard secepat yang mungkin.

ii. 'Temporary Shelter'

Hendaklah diletakkan berhampiran dengan fasiliti supaya pesakit mudah dipindahkan daripada elemen semasa analisa jangka masa panjang diperlukan. Perjanjian bertulis hendaklah dilaksanakan bagi penggunaan sementara sekolah, gereja atau bangunan yang berdekatan.

iii. 'Long Term Evacuation Sites'

Mengenalpasti kawasan bagi memberi perkhidmatan penjagaan pesakit yang berterusan. Pilihan hendaklah termasuk:-

- Memindahkan ke hospital lain.
- Membenarkan pesakit pulang kepangkuan keluarga.

- Penjagaan di tempat perlindungan yang telah ditetapkan.

3.7.1 Definisi Perlindungan Sementara

- Jangka masa tinggal tidak mencapai 96 jam.
- Mengekalkan keselamatan kebakaran dan nyawa pada tahap yang munasabah.
- Bangunan tidak diwajibkan mempunyai alat pancuran dan/atau sistem penggera kebakaran tetapi hendaklah mengekalkan pemerhatian kebakaran.

3.7.2 Definisi Kawasan Jangkamasa Panjang

- Jangkamasa tinggal boleh mencapai 96 jam dan lebih.
- Dilengkapi dengan sistem perlindungan kebakaran.
- Sebelum mengenalpasti kawasan, pastikan ia bebas daripada risiko bencana alam seperti banjir, tanah runtuh dan sebagainya.

4.0 PERSEDIAAN PELAN BENCANA

4.1 Persediaan Bencana

4.1.1 Polisi

Pelan bencana hendaklah dibangunkan dan dilaksanakan sebagai persediaan menghadapi bencana yang berpotensi. Adalah penting untuk memastikan keputusan mengenai polisi dan program dibuat sebelum sesuatu bencana berlaku.

Berikut adalah keutamaan sasaran dalam persediaan bencana di fasiliti kesihatan:-

- Mencegah kehilangan nyawa.
- Mencegah atau meringankan trauma yang bakal dihadapi oleh penghuni fasiliti.
- Mengekalkan perkhidmatan setakat yang boleh.
- Mencegah atau mengurangkan kerosakan harta benda.

4.1.2 Tujuan Pelan Bencana

Pelan bencana bertujuan membantu anggota di fasiliti dalam mencapai objektif yang ditetapkan. Ia bukanlah garis panduan menyeluruh tentang bagaimana menentang kebakaran atau apa yang perlu dibuat sekiranya berlakunya kecemasan. Ia bertujuan membantu dalam membangun dan menilai pelan persediaan bencana mereka sendiri.

4.1.3 Pelan Bencana Bertulis

Berdasarkan kepada penilaian, sebuah pelan bertulis hendaklah dilaksanakan berdasarkan kepada hazard yang telah dikenalpasti. Memandangkan setiap fasiliti kesihatan mempunyai masalah yang berbeza dan sumber yang berlainan, setiap pelan bencana mestilah direkabentuk berdasarkan inventori hazard.

4.1.4 Mengemaskini Pelan

Pelan bencana hendaklah sentiasa dikemaskini sekurang-kurangnya setahun sekali. Salinan pelan kecemasan terkini haruslah diberikan kepada agensi yang berkaitan termasuk Unit Kesihatan Pekerjaan dan Alam Sekitar JKN Negeri, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, Polis, Pejabat daerah dan Pihak berkuasa tempatan.

4.1.5 Perkara Yang Perlu Dipertimbangkan Untuk Pelan Bencana

Berikut adalah perkara yang perlu dipertimbangkan semasa membangunkan pelan bencana:

- Mengenalpasti dan menilai semua hazard bencana dan memberikan respon untuk setiap hazard yang telah dikenalpasti.
- Membentuk pelan bencana dan memberikan salinan kepada agensi yang berkaitan.
- Perlantikan hendaklah secara bertulis kepada anggota yang dilantik difasiliti sebagai pegawai bertanggungjawab.

- Senarai lengkap pegawai bertanggungjawab perlu dimasukkan dalam pelan kecemasan. Kriteria pemilihan pegawai bertanggungjawab:-
 - ✓ Mudah dihubungi.
 - ✓ Tinggal berhampiran dengan fasiliti.
 - ✓ Berperanan penting dalam pentadbiran fasiliti.
- Senarai nama yang anggota yang perlu dihubungi, nombor telefon yang terbaru dan alternatif lain untuk berkomunikasi. Rekodkan siapa yang menghubungi anggota tersebut, bagaimana dan masa ia dihubungi.
- Melantik anggota tertentu untuk tanggungjawab yang spesifik berserta pegawai alternatif.
- Membentuk dan menyelenggara perjanjian bertulis tapak evakuasi kecemasan utama dan tapak alternatif. Mengemaskini dan menilai semula perjanjian sekurang-kurangnya setahun sekali. Perjanjian hendaklah ditandatangani oleh pihak yang bertanggungjawab dan ia hendaklah sejajar dengan pelan bencana yang terkini.
- Tentukan laluan evakuasi secara spesifik dalam bentuk bertulis dan gambaran. Ia perlu dipamerkan di seluruh bangunan/fasiliti.
- Membentuk pelan untuk perubatan, record kesihatan, bekalan makanan dan penjagaan pesakit semasa evakuasi berlaku.
- Memberi orientasi kepada semua anggota baru berkenaan dengan pelan persediaan bencana di fasiliti tersebut.
- Memberi pendidikan, latihan dan latihan bencana bagi memastikan anggota tahu dengan prosedur bencana dari semasa ke semasa.


- Memberi pertimbangan menggunakan fasiliti sebagai pusat kecemasan sekiranya berlakunya bencana.

4.2 Hazard Bencana Yang Berpotensi

Berikut adalah perkara yang perlu dipertimbangkan semasa inventori hazard:-

- Lokasi pusat penjagaan berhubung dengan hazard khas yang telah dikenalpasti oleh pihak berkuasa yang lain.
- Lokasi pusat penjagaan yang berdekatan dengan empangan yang mana kemungkinan ketiadaan elektrik akan mengakibatkan banjir.
- Lokasi pusat penjagaan yang berdekatan dengan laluan kapal terbang.
- Kawasan perindustrian di mana kemalangan boleh berlaku melibatkan material yang merbahaya.
- Kawasan hutan atau padang rumput.
- Risiko kebakaran dalam atau berdekatan dengan bangunan.
- Risiko akibat daripada ribut taufan, hujan lebat dan sebagainya.
- Kemungkinan berlaku gangguan tenaga elektrik, telefon dan lain-lain kemudahan.
- Masalah berhubung dengan laluan ke fasiliti sekiranya berlakunya banjir, banjir lumpur, tanah runtuh dan jambatan runtuh.

4.3 Aliran Komunikasi Bencana



4.4 Triage

Dalam kemusnahan sebagai contoh letupan atau kapal terbang terhempas ke bangunan di mana mengakibatkan kecederaan yang amat serius, kawasan *triage* hendaklah dibentuk. Cadangan lokasi *triage* sebagai contoh tempat letak kenderaan yang berhampiran, taman permainan atau kawasan lapang hendaklah ditentukan dalam pelan bencana.

4.5 Ancaman Bom

Prosedur atau tindakan menghadapi ancaman bom hendaklah dibincangkan dengan pihak berkenaan seperti Polis, Pertahanan Awam dan sebagainya. Prosedur atau tindakan hendaklah ditentukan dan hendaklah dimasukkan ke dalam pelan bencana dalam fasiliti tersebut.

Jika ancaman bom diterima melalui telefon, dapatkan maklumat sebanyak yang mungkin. Jika boleh, maklumat hendaklah termasuk lokasi, saiz, jenis, bilakah ia akan meletup dan siapa yang menelefon.

Kemungkinan juga anda akan menjumpai objek yang tidak dikenali dan disyaki sebagai bom. Dengan segera rujuk senarai panggilan kecemasan dan meminta arahan apa yang perlu dilakukan. Perpindahan sepenuhnya dalam fasliti tersebut mungkin diperlukan.

4.6 Gempa Bumi

Kebiasaannya tiada amaran akan dikeluarkan apabila gempa bumi berlaku. Gegaran kemungkinan akan bertahan selama beberapa saat atau minit. Semasa gempa bumi, pastikan pesakit yang berada di dalam bangunan, jika boleh pesakit hendaklah jauh daripada tingkap dan jauh dari apa-apa benda yang bermungkinan terjatuh dari atas.

Selepas gegaran gempa bumi berhenti, periksa semua pesakit bagi memastikan sekiranya terdapat sebarang kecederaan. Seterusnya membentuk kawasan *triage*. Jika perlu, lakukan panggilan mengikut Aliran Komunikasi Bencana. Periksa semua peralatan samada masih berfungsi atau tidak dan periksa bangunan untuk kerosakan struktur.

4.7 Gangguan Bekalan Elektrik

Ketiadaan bekalan elektrik boleh berlaku pada bila-bila masa tanpa mengira samada berlaku bencana atau tidak. Kebanyakan fasiliti mempunyai *generator* kecemasan di mana membekalkan tenaga untuk lampu dan alat pengera kebakaran dan sesetengah membekalkan tenaga elektrik untuk keseluruhan fasiliti.

Sekiranya berlaku gangguan bekalan elektrik, informasi di bawah hendaklah diperolehi:-

- i. Berapa lamakah *generator* akan beroperasi dengan bahan api yang sedia ada?

- ii. Adakah anda mempunyai sumber alternatif bahan api?

(Nama & Nombor Telefon)

- iii. Apakah alternatif lain jika fasiliti tidak mempunyai *generator* ?

(Nama & Nombor Telefon)

- iv. Jika *generator* gagal dihidupkan atau rosak, siapa yang boleh memperbaiki atau menyelenggara *generator* tersebut?

(Nama & Nombor Telefon)

4.8 Gangguan Bekalan Bahan Api

Sekiranya berlaku kesukaran mendapatkan bahan api, informasi berikut hendaklah diperolehi.

- i. Bolehkah sistem bekalan tenaga fasiliti anda ditukarkan kepada alternatif bekalan bahan api yang lain?

- ii. Di mana bekalan bahan api yang lain boleh diperolehi dan lokasinya?

- iii. Siapakah yang harus menyelenggara atau memperbaiki sistem bekalan tenaga fasiliti tersebut?

4.9 Letupan

Letupan boleh berlaku disebabkan kebocoran saluran paip gas, kebocoran di tangki oksigen, tangki LPG dan sebagainya.

Berikut adalah perkara yang perlu dimasukkan di dalam pelan bencana dalam menghadapi letupan:-

- Pindahkan separuh atau keseluruhan pesakit ke kawasan yang selamat dan mulakan penjagaan pesakit.
- Menelefon Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia dengan segera dan teruskan kepada senarai panggilan kecemasan.
- Sekiranya letupan terhasil daripada bahan letupan, kawalan keselamatan di kawasan tersebut hendaklah dilakukan sehingga ketibaan pihak berkuasa seperti polis.

Kebanyakan letupan akan mengakibatkan kerosakan kepada utiliti. Dengan itu semua utiliti, elektrik, air dan sistem bekalan bahan api hendaklah diperiksa terlebih dahulu oleh individu yang kompeten untuk mengenalpasti kerosakan sebelum memindahkah pesakit kembali fasiliti tersebut.

**LATIHAN BAGI ANGGOTA YANG BERKHIDMAT DAN
LATIHAN KEBAKARAN**

Peraturan mengkehendaki latihan kebakaran dilaksanakan setiap suku pada setiap syif. Latihan hendaklah dilaksanakan setiap 6 bulan.

Syif Pagi Tarikh: _____ Masa: _____
Latihan dalam kelas: Kawad Kebakaran:
Topik Latihan: _____
Komen: _____

Syif Petang Tarikh: _____ Masa: _____
Latihan dalam kelas: Kawad Kebakaran:
Topik Latihan: _____
Komen: _____

Syif Malam Tarikh: _____ Masa: _____
Latihan dalam kelas: Kawad Kebakaran:
Topik Latihan: _____
Komen: _____

AKTA PERKHIDMATAN BOMBA 1988

Premis yang ditetapkan bagi maksud pengeluaran perakuan bomba di bawah akta.

Hospital & Rumah Rawatan:-

- i. 3 tingkat dan lebih di mana setiap kawasan lantai melebihi 250 meter persegi.
- ii. 5 tingkat dan lebih.

**PROGRAM PENCEGAHAN KEBAKARAN JABATAN BOMBA MELALUI
SKIM KEBAKARAN SIFAR
(ZERO FIRE)**

Konsep

Wujudnya pembangunan yang pesat di dalam pembinaan bangunan tinggi dan projek mega dan penggunaan bahan pemasangan merbahaya di dalam bangunan di seluruh negara membawa cabaran kepada Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, orang awam dan juga institusi insuran.

Oleh yang demikian, adalah perlu membuat perancangan pencegahan kebakaran yang mewujudkan usul penting di dalam *Loss Prevention Strategy*.

Apabila berlakunya kebakaran, perkara yang perlu diutamakan adalah mengurangkan kerugian, perlindungan nyawa, hartabenda dan persekitaran. Oleh itu, ianya boleh dicapai melalui Skim Kebakaran Sifar.

Objektif/Tujuan

- Keselamatan nyawa dan pencegahan kebakaran
- Tindakan yang cepat dan bersistematik
- Mengurangkan kerugian harta benda
- Tidak mudah panik
- Wujudnya *New Fire Safety Culture*

Strategi Perlaksanaan

Tidak berlakunya apa-apa kejadian kebakaran atau kemalangan selama tempoh 3 tahun atau 1000 hari:-

- Bila berlaku kebakaran mesti cepat bertindak.
- Tidak menjejaskan operasi memadam kebakaran.
- Tidak berlakunya kecederaan atau kemalangan.

Mewujudkan *Fire Squad* bagi firma masing-masing dengan mengadakan kesedaran dan latihan bersama dengan Jabatan Bomba Dan Penyelamat Malaysia.

Tidak melibatkan tuntutan insuran.

Peserta-peserta (pemilik premis/bangunan) yang dianggap berjaya adalah yang telah mencapai syarat-syarat yang ditetapkan di atas, dan Sijil Penghargaan berserta lain-lain khidmat nasihat/rundingan keselamatan akan diberikan oleh Jabatan selaras dengan objektif program ini.

Jenis-jenis premis dan bangunan yang digalakkan menyertai program ini:-

- Bangunan-bangunan tinggi.
- Bangunan kerajaan.
- Kilang-kilang.
- Kompleks perniagaan.
- *'Chemical Plant'*
- Hotel dan *'Service Apartment'*.
- Pusat-pusat hiburan dan panggung wayang/cineplex.
- Hospital-hospital.
- Institusi dan pusat-pusat pengajian tinggi

5.0 AUDIT PENCEGAHAN KEBAKARAN

5.1 Senarai Semak Keselamatan Kebakaran Di Bangunan

	KEBERSIHAN	YA	TIDAK
1.	Bangunan dan sekitarnya bersih daripada segala sampah sarap dan sisa-sisa perusahaan.	☐	☐
2.	Tong-tong sampah bertutup jenis logam untuk membuang kain-kain berminyak atau sisa-sisa perusahaan.	☐	☐
3.	Bahan-bahan atau sampah sarap yang dibuangkan dibakar di tempat yang selamat tiap-tiap hari di penghujung masa bertugas.	☐	☐
4.	Tempat-tempat berikut bersih dari habuk dan sampah. a. Ruang di bawah tempat duduk. b. Ruang di bawah tangga. c. Lubang lift (<i>lift shaft</i>). d. Alat-alat jentera.	☐	☐
5.	Kawasan di sekeliling bangunan bersih daripada kotak, papan, kayu, kertas dan lain-lain yang boleh terbakar atau yang boleh merebakkan kebakaran.	☐	☐
	(Catatan : Sampah sarap itu boleh dibakar oleh orang-orang yang tidak bertanggungjawab dengan mudah).		
6.	Pakaian pekerja-pekerja selepas bertugas daripada digantung/disimpan di tempat khas dan bebas apa juga punca haba atau kebakaran.	☐	☐
7.	Bara paip rokok/puntung dipadam selepas penggunaannya sebelum disimpan pada pakaian.	☐	☐

STOR		YA	TIDAK
8.	Stor diasingkan di tempat lain dalam bangunan.	☐	☐
9.	Anggota-anggota bomba mudah sampai ke stor ketika berlaku kebakaran, berserta dengan tanda menunjukkan stor itu.	☐	☐
10.	Barang-barang di dalam stor itu disusun baik supaya ada ruangan-ruangan bagi memudahkan anggota-anggota bomba bergerak menentang kebakaran.	☐	☐
11.	Jika bangunan dipasang dengan sistem penyembur air automatik (<i>sprinkler</i>), barang-barang tersebut disimpan bebas dari mengganggu sprinkler tersebut.	☐	☐
PENGENDALIAN BAHAN-BAHAN YANG MUDAH TERBAKAR			
		YA	TIDAK
12.	Bahan-bahan yang mudah terbakar seperti cat, spirit, <i>thinner</i> , <i>ethyl</i> dan lain-lain disimpan di tempat yang bebas daripada percikan api atau haba. a. Di dalam sebuah bangunan yang berasingan. b. Di bilik khas dalam bangunan yang sama.	☐	☐
13.	Cecair jenis yang mudah terbakar dibawa dengan bekas khasnya dan bukan dengan tin atau baldi biasa yang boleh mendatangkan bahaya.	☐	☐
14.	Cecair mudah terbakar disimpan dengan selamat dan tidak terdedah kepada percikan api atau haba yang boleh menyebabkan bahan itu terbakar.	☐	☐
15.	Peralatan jenis yang mengeluarkan percikan api digunakan di tempat cecair mudah terbakar.	☐	☐

PENGENDALIAN MESIN-MESIN DAN JENTERA-JENTERA		YA	TIDAK
16.	Mesin-mesin dan peralatan perkakas diperiksa berkala mengikut jadual yang ditetapkan.	☐	☐
17.	Semasa membuat pemeriksaan:- a. Mesin/jentera dalam keadaan bersih. b. Tempat-tempat yang terdedah kepada geseran diminyakkan. c. Tali pemutar jentera tegang dan kemas.	☐	☐
18.	Mesin-mesin disusun dengan teratur supaya mengelakkan daripada kesesakan di antara jentera- jentera. Mesin-mesin dan bahan-bahan lain.	☐	☐
19.	Takungan bagi minyak yang menitik diadakan untuk mengelakkan minyak menyerap ke lantai dan dinding.	☐	☐
HABA DARIPADA JENTERA DAN LAMPU		YA	TIDAK
20.	Mesin-mesin dan peralatan perkakas diperiksa berkala mengikut jadual yang ditetapkan.	☐	☐
21.	Alat yang panas diletakkan di tempat yang selamat, jauh daripada bahan-bahan yang boleh terbakar.	☐	☐
22.	Pendawaian elektrik bagi jentera-jentera diuji dan diperiksa selalu mengikut spesifikasi atau keperluan.	☐	☐
KAWALAN KEBAKARAN		YA	TIDAK
23.	Alat-alat kebomgaan seperti pili bomba, alat pemadam. api, sprinkler dan lain-lain boleh digunakan pada bila-bila masa dengan mudah tanpa sebarang gangguan.	☐	☐
24.	Pintu-pintu rintangan api sentiasa berada dalam keadaan tertutup semasa bertugas atau selepas bertugas.	☐	☐

25. Pemeriksaan keselamatan (kebakaran) dilakukan setelah kerja-kerja selesai. ☐ ☐
26. Pihak pengurusan mempunyai seorang pegawai untuk menyelenggarakan semua aspek pencegahan kebakaran.
27. Setiap kakitangan tahu bertindak dengan betul semasa kebakaran berlaku. ☐ ☐
28. Semasa pemeriksaan ke atas alat-alat elektrik dilakukan, perkara-perkara berikut berada di dalam keadaan sempurna:-
a. Penebat dawai elektrik.
b. Keefisienan dawai bumi (*earth*) untuk litar.
c. Kedudukan lampu-lampu dan suis-suis.
d. Keadaan dawai-dawai elektrik yang terlibat di dalam pergerakan (*flexible wiring*).
29. Sambungan pendawaian elektrik sementara, pendek dan arusnya tidak melebihi beban (*overload*) serta mengancam litar. ☐ ☐
30. Penggunaan lampu suluh jenis elektrik diasingkan dengan jarak yang minima dan lampu-lampu yang digunakan itu dilengkapi dengan penutup jaring yang kemas dan tahan. ☐ ☐
31. Suis-suis besar bagi semua litar ditutup apabila alat itu tidak digunakan. ☐ ☐
32. Suis-suis lampu dan suis-suis kuasa ditempatkan di luar bilik penyembur cat. ☐ ☐
33. 'Fire load' berlebihan diawasi setiap masa. ☐ ☐

- | | | | |
|-----|--|--------------------------|--------------------------|
| 34. | Ada papan tanda ' DILARANG MEROKOK '. | ☐ | ☐ |
| 35. | Pelan-pelan mimik yang menunjukkan pintu/tangga dipamerkan di tempat-tempat yang sesuai. | ☐ | ☐ |
| 36. | Kakitangan berpengetahuan tentang bahaya-bahaya kebakaran daripada satu-satu proses di tempat kerja. | ☐ | ☐ |
| 37. | Tempat/bilik menyimpan bahan yang mudah terbakar ditanda 'khas'. | ☐ | ☐ |

Catatan:

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

Tarikh:

.....

Pegawai:

.....

Pemeriksa:

.....

6.0 LAMPIRAN

6.1 Carta Organisasi Pasukan Kecemasan Fasiliti (ERT)

